

28/10/2000

PM perjas mengapa tiada bonus

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kakitangan awam tidak diberi bonus dalam Belanjawan kali ini kerana mereka baru menikmati kenaikan gaji 10 peratus.

Perdana Menteri berkata, kenaikan gaji 10 peratus itu sebenarnya sudah melebihi bonus sebulan gaji, selain pada Belanjawan kali ini kerajaan turut mengurangkan cukai yang bermakna memberi pendapatan lebih kepada mereka.

"Kita dah naikkan gaji kakitangan awam 10 peratus. Sepuluh peratus ini lebih daripada satu bulan gaji. Kita bayar bonus kalau kita mendapat pendapatan yang lebih.

"Sebaliknya, kita sudah mengurangkan cukai dan ini bermakna ramai kakitangan awam mungkin tidak perlu bayar cukai. Jadi, secara tak langsung ini juga menyumbang kepada pendapatan mereka," katanya pada sidang akhbar selepas Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin membentangkan Belanjawan 2001 di Dewan Rakyat, hari ini.

Dr Mahathir menjelaskan demikian ketika diminta mengulas harapan kakitangan awam untuk mendapatkan bonus dalam Belanjawan 2001, seperti yang dinikmati beberapa tahun sebelum ini.

Bagaimanapun, dalam Belanjawan 2001, kerajaan mencadangkan supaya kadar rebat dinaikkan kepada RM350 bagi pembayar cukai dan RM350 bagi isteri untuk meningkatkan pendapatan boleh guna dan selanjutnya merangsang penggunaan.

Kumpulan berpendapatan bercukai yang layak mendapat rebat itu juga diperluaskan meliputi kumpulan pendapatan bercukai RM35,000.

Dr Mahathir berkata, pengurangan cukai itu secara tidak langsung menyumbang kepada pendapatan pekerja, selain beberapa elaun yang diberi kepada pekerja tertentu, iaitu polis, tentera, bomba, kastam, doktor dan guru besar.

Mengenai Belanjawan kali ini, beliau berkata seperti tahun lalu, Belanjawan 2001 adalah untuk rakyat, terutama yang berpendapatan rendah.

"Kita berjaya mengurangkan cukai dan menambah pendapatan serta perbelanjaan untuk bermacam-macam kegiatan. Ini dapat kita buat kerana kerajaan berusaha untuk meningkatkan ekonomi negara.

"Kita bukan bergantung kepada peningkatan cukai untuk menambah tabung kerajaan. Sebaliknya, kita mengurangkan cukai tetapi memajukan negara supaya syarikat-syarikat mendapat keuntungan yang lebih besar," katanya.

Beliau berkata, walaupun cukai yang dikenakan itu rendah, pendapatan kerajaan meningkat dan dengan itu, mampu menambah perbelanjaan kali ini sebanyak 16 peratus.

Malah, katanya, satu perkara yang terus diberi perhatian ialah lebih sejuta orang yang sebelum ini membayar cukai, tidak akan membayar cukai pendapatan mereka.

Beliau berkata, ini berikutan langkah menaikkan elaun supaya hanya yang mendapat pendapatan tinggi perlu membayar cukai dan langkah itu secara langsung memberi faedah kepada mereka yang mendapat pendapatan daripada gaji, elaun dan juga yang mempunyai perniagaan.

Mengenai teras Belanjawan itu yang turut memberi tumpuan bagi memperluaskan akses rakyat kepada teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), beliau berkata kerajaan akan membelanjakan lebih banyak wang bagi menangani perbezaan digital di antara penduduk bandar dan luar bandar.

"Kita juga akan membelanjakan banyak wang terhadap sekolah bestari yang

kosnya amat mahal kerana keperluan peralatan, perisian dan latihan guru. Satu pertiga daripada kakitangan awam terbabit dalam pendidikan.

"Oleh itu, Belanjawan untuk pendidikan adalah terbesar di kalangan kementerian supaya kita boleh memberi tumpuan kepada pendidikan, terutama teknologi maklumat (IT)," katanya.

Ditanya mengapa cukai korporat tidak diturunkan seperti jangkaan ramai pelabur, Dr Mahathir menjelaskan apa yang kerajaan lakukan kali ini ialah mengurangkan cukai pendapatan individu.

"Kita tak boleh nak kurang semua sekali...lama-kelamaan kerajaan tak ada duit. Tak ada duit tak boleh, kita kena ada tambahan sekolah. Tahun depan lebih 100 sekolah akan diadakan.

"Jumlah guru akan ditambah sebanyak lebih 11,000, semuanya diperluaskan. Bantuan kepada banyak golongan akan bertambah, termasuk untuk wanita melalui Jabatan Perdana Menteri," katanya.

Mengenai pertumbuhan ekonomi negara, beliau berkata ia agak memberangsangkan iaitu melebihi tujuh peratus tahun ini (7.5 peratus), melebihi sasaran awal 5.8 peratus.

(END)